

Pulse pilih Malaysia destinasi pertama kaji selidik

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Pulse Group (Pulse) telah menjadikan Malaysia sebagai negara pertama untuk menjalankan kaji selidik mengenai status terkini sektor pelancongan serantau dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Kym Wong berkata, kajian itu dilaksanakan berdasarkan program Kaji Selidik Perjalanan Dalam Talian yang dilancarkan Khamis lalu.

Program kaji selidik itu dilancarkan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Kajian Tourism Malaysia, Azilina Azni.

Wong berkata, program kaji selidik itu akan memberi peluang kepada Pulse Group mendapat pelbagai maklumat daripada rakyat Malaysia, khususnya tentang pendapat mereka mengenai program percutian masing-masing di dalam negara.

Katanya, antara soalan asas dalam kaji selidik itu ialah lokasi percutian kegemaran mereka, jenis hotel yang mereka suka menginap, cara mereka menempah bilik dan tiket kapal terbang.

"Maklumat itu kami akan salurkan kepada Pelancongan Malaysia untuk membolehkan tindakan susulan dilakukan bagi meningkatkan sektor pelancongan tempatan.

"Kami juga akan salurkan kepada Malaysia Airlines System dan Strawberry Park Resort di Cameron Highlands, Mandarayu Spa serta Asia Travel Mart untuk membolehkan mereka bekerjasama membantu meningkatkan industri ini," katanya kepada pemberita, di sini.

Wong menetapkan sasaran kira-kira 50,000 responden akan mendaftar bagi kaji selidik itu yang akan berlangsung selama dua bulan dan berakhir pada 20 Disember ini.

Menurutnya, satu laporan berdasarkan hasil maklumat daripada kaji selidik itu akan diterbitkan pada Oktober tahun depan.

"Syarikat akan melabur sebanyak RM250,000 untuk membangunkan program ini dan juga hadiah-hadiah yang bakal diberikan kepada responden yang berjaya," katanya.

Menurut Wong, 10,000 responden pertama yang menyertai kaji selidik itu akan menerima baucer daripada Pizza Hut.

Syarikat juga menawarkan hadiah menarik seperti pakej percutian ke Hong Kong Disneyland, penginapan ke Strawberry Park Resorts Hotel serta sesi terapi di Mandarayu Spa di hotel berkenaan kepada mereka yang memiliki markah terbanyak memperkenalkan program kaji selidik dalam talian itu kepada rakan-rakan.

Program kaji selidik serupa akan dilancarkan di Singapura minggu depan, diikuti Thailand, Australia, New Zealand, China, Taiwan dan Hong Kong.